

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“
**KERATAN
AKHBAR
KESUMA**”

**RABU
5 November 2025**



Forum Hantar aduan/cadangan/pendapat/gambar melalui forumutusan@mediamulia.com.my atau 

Lindungi pekerja gig bumiputera pasca Belanjawan

ANTARA intipati Belanjawan 2026 ialah perluasan Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (SKSPS) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dengan peruntukan tambahan khusus untuk golongan pekerja sendiri, termasuk mereka dalam sektor gig.

Kerajaan juga mengumumkan geran padanan caruman di mana sebahagian caruman pekerja akan ditampung kerajaan serta insentif khas untuk pendaftaran baharu.

Inisiatif ini wajar dipuji kerana ia menandakan pengiktirafan rasmi terhadap sumbangan pekerja gig, di samping usaha memastikan mereka tidak terus terpinggir daripada jaringan keselamatan sosial negara.

Namun demikian, kejayaan dasar ini sangat bergantung kepada tahap penyertaan sebenar di lapangan. Masih ramai pekerja gig bumiputera yang berdepan kekangan untuk mendaftar, sama ada kerana pendapatan tidak stabil, kurangnya literasi digital atau akses maklumat yang terbatas.

Dalam masa sama, Rang Undang-Undang Pekerja Gig 2025 (RUU Gig) dibentangkan sebagai pelengkap kepada belanjawan. RUU ini menetapkan kontrak servis yang lebih jelas, mewajibkan pendaftaran caruman melalui platform dan menubuhkan tribunal khas untuk menyelesaikan pertikaian.

Ini perkembangan positif kerana memberi landasan undang-undang untuk melindungi pekerja gig. Namun begitu, masih terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi. RUU ini tidak menetapkan kadar bayaran minimum dan peranan penyedia platform masih terbatas kepada menyalurkan potongan caruman, tanpa kewajipan untuk turut sama menanggung kos perlindungan.

Hakikatnya, tanpa tanggungjawab yang lebih seimbang, pekerja gig berisiko menanggung beban tambahan.

Oleh itu, penyedia platform perlu dilihat sebagai rakan kongsi sosial, bukan sekadar pengantara antara pelanggan dan pekerja. Tanggungjawab mereka melangkaui aspek teknikal pengurusan aplikasi.

Mereka boleh memainkan peranan lebih besar dengan berkongsi sebahagian kos caruman sosial, menyediakan kontrak yang

adil dan telus serta mewujudkan mekanisme aduan dalaman yang lebih mesra pekerja.

Di samping itu, sokongan kepada pembangunan kapasiti pekerja gig bumiputera, seperti latihan literasi kewangan dan digital, penting untuk meningkatkan tahap kesediaan mereka. Jika penyedia platform proaktif, barulah Belanjawan 2026 dapat diterjemahkan kepada perlindungan yang benar-benar bermakna.

Belanjawan dan RUU hanyalah permulaan. Untuk memperkasakan perlindungan sosial, tiga pihak perlu bergerak seiring.

Kerajaan boleh menambah baik dasar dengan menetapkan kadar bayaran minimum bagi kategori kerja tertentu serta memberi insentif kepada penyedia platform yang melaksanakan perlindungan tambahan. Penyedia platform pula harus mengimbangi keuntungan dengan tanggungjawab sosial. Pekerja gig sendiri perlu lebih peka terhadap hak mereka dan mengambil peluang untuk menyertai skim perlindungan yang disediakan.

Pandangan ini turut berasaskan penyelidikan yang sedang saya jalankan melalui geran Institut Masa Depan Malaysia (MASA) di bawah Program Pembangunan Dasar MASA (MPDP) 3.0, bertajuk *Faktor Penyertaan dan Cabaran dalam Pelaksanaan Polisi Perlindungan Sosial Pekerja Gig Bumiputera; Cadangan Penambahbaikan ke arah Kesejahteraan Sosioekonomi Bumiputera*.

Dapatan awal menunjukkan dasar dan belanjawan sudah menyediakan asas tetapi pelaksanaan memerlukan komitmen bersama antara kerajaan, penyedia platform dan pekerja itu sendiri.

Akhirnya, Belanjawan 2026 membuka ruang harapan baharu kepada pekerja gig bumiputera. Namun, harapan itu hanya akan menjadi kenyataan apabila perlindungan sosial benar-benar dilaksanakan secara inklusif dan mampan, dengan setiap pihak memainkan peranan sewajarnya.

PROFESOR MADYA DR. SITI SARA IBRAHIM & NAZATUL AQILAH SUTRISNO
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Cawangan Negeri Sembilan



MASIH ramai pekerja gig bumiputera yang berdepan kekangan, sama ada kerana pendapatan tidak stabil, kurangnya literasi digital atau akses maklumat yang terbatas.

Forum



GEN Z perlu bersedia menyesuaikan diri dalam dunia pekerjaan sebenar yang dinamik serta mencabar.

Adakah Gen Z mampu menjadi pekerja yang boleh diharap?

BERDASARKAN buku *Grown Up Digital: How the Net Generation is Changing Your World*, karya Don Tapscott (2009), Generasi Z, atau lebih dikenali sebagai GenZ ditakrifkan sebagai golongan yang lahir sekitar 1998 hingga 2009. Mereka merupakan generasi yang membesar dalam dunia digital, terbiasa dengan teknologi serta mempunyai pandangan kerja dan kehidupan yang berbeza daripada generasi sebelumnya. Kini, semakin ramai daripada mereka melangkah masuk ke alam pekerjaan. Persoalannya, sejauh manakah Gen Z bersedia menyesuaikan diri dalam dunia pekerjaan sebenar yang dinamik serta mencabar?

Salah satu kekuatan utama Gen Z merupakan kecekapan mereka dalam teknologi digital. Mereka bukan sahaja pantas mempelajari perisian dan sistem baharu, malah mampu menggunakan media sosial serta platform digital bagi memperluaskan lagi jaringan profesional dan peluang kerjaya. Dalam era di mana transformasi digital menjadi keutamaan organisasi, kemahiran ini menjadikan Gen Z sebagai aset yang amat bernilai. Namun begitu, cabaran utama ialah bagaimanakah mereka menyeimbangkan kelebihan digital dengan kemahiran insaniah seperti komunikasi, empati dan kerjasama berpasukan yang turut menjadi tunjang dunia pekerjaan.

Bagi majikan, memahami corak pemikiran dan nilai kerja Gen Z mungkin menjadi cabaran terbesar kepada mereka. Hal yang demikian kerana, golongan ini menekankan keseimbangan antara kerja dan kehidupan, mencari makna dalam pekerjaan serta lebih cenderung memilih organisasi yang menitikberatkan nilai kemanusiaan dan kelestarian. Justeru, majikan perlu menyediakan persekitaran kerja yang lebih fleksibel, memberi ruang kepada kreativiti, dan menggalakkan budaya kerja berasaskan kepercayaan. Namun pada masa yang sama,

Gen Z juga perlu memahami fleksibiliti hadir bersama tanggungjawab. Disiplin masa, kecekapan tugas dan komitmen antara elemen yang menjadi teras profesionalisme.

Selain itu, Gen Z wajarlah mengurangkan ketergantungan kepada keselesaan digital. Walaupun komunikasi secara dalam talian kini menjadi kebiasaan, namun kemahiran berinteraksi secara bersemuka tetap penting, terutamanya dalam membina keyakinan diri dan hubungan profesional jangka panjang.

Dunia pekerjaan sebenar menuntut ketahanan mental, kebolehan menyesuaikan diri dengan tekanan, serta keupayaan menerima maklum balas secara terbuka tanpa ada rasa tersinggung.

Gen Z yang bakal atau baru melangkah ke alam pekerjaan, bersedialah untuk belajar dan menyesuaikan diri. Dunia kerja tidak sentiasa ideal seperti yang digambarkan di media sosial. Ada masa anda akan menghadapi kegagalan, teguran dan tugas yang mencabar. Semua itu bukan bentuk penindasan tetapi proses pembelajaran yang membentuk kematangan profesional. Tunjukkan inisiatif, sikap ingin tahu, serta semangat untuk lebih maju.

Akhir sekali, saya secara peribadi yakin Gen Z mempunyai potensi besar untuk membawa perubahan positif dalam dunia kerja.

Dengan gabungan teknologi, idealisme, dan semangat inovasi, Gen Z mampu mencipta landskap pekerjaan yang lebih inklusif, fleksibel dan berdaya saing.

Namun, kejayaan itu hanya dapat dicapai jika mereka mampu menyeimbangkan antara nilai moden dan asas disiplin kerja tradisional kerana dalam apa jua zaman, komitmen dan etika kerja tetap menjadi kunci utama kejayaan.

AZIQAH YAZID
Kuala Lumpur

Gudang simpanan barang kurier kena serbu selepas aduan pekerja

Pelabuhan Klang: Bertindak atas aduan pekerja yang mendakwa dianiaya majikan, sebuah gudang simpanan barang kurier diserbu agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, semalam.

Antara aduan pekerja ialah majikan tidak membayar caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), selain tidak mematuhi perintah gaji minimum.


Operasi itu memabitkan pegawai Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), KWSP, PERKESO dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) diketuai Timbalan Menteri berkaitan, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad.

Abdul Rahman berkata, ramai pekerja mengadu majikan tidak membayar gaji.

"Ada pekerja bekerja tiga hingga empat jam, namun ada masalah yang tidak dapat dielakkan memabitkan kematian ibu bapa atau isteri hendak bersalin, jadi pekerja ini minta izin untuk pulang awal, namun langsung tidak dibayar sedangkan mereka sudah bekerja, ini satu kekejaman bagi mereka.

"Kemudian ada ramai tidak dibayar PERKESO dan KWSP. Malah ada yang kemalangan (dalam tempoh bekerja) meninggal dunia, tetapi tidak dapat apa-apa (pampasan).

"Sepatutnya bayarlah PERKESO mereka, nanti kami uruskan kerana kita ada pencen ilat, pen-



Abdul Rahman (kiri) diiringi Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja, Kamal Pardi (kanan) ketika operasi bersepadu di gudang simpanan barang kurier di Pelabuhan Klang, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

cen penakat.

"Siasatan mendapati, tiada kawasan berehat yang khusus untuk pekerja. Satu jam pekerja hendak rehat atau tidur terpuang kepada mereka sebab itu waktu rehat. Apabila (pekerja) menyebut perkataan kejam itu, tidak sedap kita dengar.

"Perkara ini memang berlaku, saya sudah minta pegawai dalam masa seminggu ini untuk memanggil semua vendor dan majikan mereka untuk melihat semua perkara ini, termasuk mereka perlu kemukakan salinan gaji pekerja, jika tiada tindakan

akan diambil," katanya.

488 operasi penguatkuasaan

Abdul Rahman berkata, sebanyak 353 kes di seluruh negara didenda RM138,000 selain 501 kompaun bernilai RM2.87 juta selepas didapati bersalah berkaitan akta perburuhan.

"Sebanyak 353 kes sudah mendapat izin dakwa, dengan denda keseluruhan RM138,000 dan 501 kompaun dengan tawaran kompaun berjumlah RM2,877,500 bagi tempoh tahun ini setakat September lalu.

"JTKSM sudah menjalankan

488 operasi penguatkuasaan perburuhan bagi memastikan pematuhan akta dikuatkuasakan jabatan dan 490 kertas siasatan dibuka berikutan kegagalan majikan patuhi akta perburuhan.

"Di pejabat, saya tengok cantik, kemas, tetapi di bahagian kilang (teruk), mereka pun mengeluarkan titik peluh, kamu dapat untung banyak jangan tinds orang bawahan," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, tindakan penguatkuasaan turut diperluas ke Sabah dengan nilai pendakwaan keseluruhan mencecah RM87 juta.

Harian Metro | Rabu 05.11.2025

@hmetromy | Facebook: HarianMetro | Twitter: @hmetromy | www.hmetro.com.my

5

lokal

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Pelabuhan Klang

Majikan kejam, itu antara luahan pekerja di sebuah gudang penyimpanan barang kurier di Pulau Indah di sini kepada Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad dalam operasi penguatkuasaan bersepadu semalam.

Malah ramai pekerja menaggu bukan hanya tidak membayar caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), majikan juga didapati tidak mematuhi kadar gaji minimum dan tidak membayar gaji.

Abdul Rahman berkata, ada pekerja yang tidak dibayar gaji apabila memintaz izin untuk pulang awal kerana hal kecemasan termasuk kematian ahli keluarga.

"Ada yang tidak dibayar caruman PERKESO dan KWSP malah ada yang kelongan (dalam tempoh bekerja) meninggal dunia tetapi tiada apa-apa pampasan," katanya kepada pemberita selepas operasi berkenaan.

Operasi membabitkan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM),

TAK CARUM PERKESO & KWSP, ABAI GAJI

Majikan kejam!

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), KWSP, PERKESO dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Abdul Rahman berkata, beliau juga mendapati ada majikan yang tidak menyediakan kawasan khusus kepada pekerja untuk berehat.

"Satu jam pekerja hendak rehat atau tidur terpalang kepada mereka sebab itu waktu rehat. Apabila (pekerja) menyebut perkataan kejam itu, tidak sedap kita dengar."

"Perkara ini memang berlaku, saya minta pegawai ini untuk memanggil semua majikan dan siasat semua perkara termasuk mengemukakan penyata gaji pekerja, jika tiada tindakan akan diambil," katanya.

Abdul Rahman berkata, hasil pemeriksaan ke atas gudang terbabit,

JTKSM mendapati terdapat kesalahan di bawah Akta Kerja 1955 (Akta 265) waktu kerja melebihi 45 jam seminggu, bayaran kerja lebih masa yang tidak mencukupi dan tiada penyata gaji dan kontrak perkhidmatan diberikan kepada pekerja.

"Selain itu, terdapat juga kesalahan di bawah Akta 446 di mana majikan tidak mendaftarkan sijil perakuan penginapan daripada JTKSM."

"PERKESO mendapati majikan mematuhi Akta 4 dalam pembayaran caruman pekerja. Namun demikian, caruman tidak dibuat kepada pekerja sambil melibatkan vendor luar."

"Siasatan lanjut ke atas majikan bersama vendor luar akan dijalankan bagi memastikan pematuan caruman pekerja sama ada

di bawah Akta 4 (Lindung Pekerja) atau Akta 789 (Lindung Kendiri)," katanya.

Beliau berkata, surat arahan akan dikeluarkan dari JKKP bagi kesalahan di bawah Akta Keselamatan dan Keselamatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) yang melibatkan kesalahan seperti kawasan rehat dan bilangan tandas tidak mencukupi berbanding bilangan pekerja, tiada tanda amaran bahaya di kawasan conveyor, pengudaraan tidak mencukupi, tiada tanda lauan atau pengasingan pejalan kaki disediakan di dalam kawasan gudang, kekurangan papan tanda keselamatan di kawasan tempat kerja dan lain-lain kesalahan di bawah Akta 514.

"Pihak KWSP pula mengeluarkan notis kepada majikan untuk siasatan lanjut bagi kesalahan di bawah Akta KWSP 1991 di mana terdapat caruman KWSP pekerja hanya dibayar untuk gaji pokok sahaja dan tidak termasuk elaun



ABDUL Rahman (kiri) ketika menyertai Op Kurier di sekitar kawasan perindustrian Pulau Indah, Pelabuhan Klang.

"Selain itu, terdapat pekerja separa masa yang tidak dibayar caruman KWSP yang memerlukan siasatan lanjut," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Rahman berkata, sebanyak 353 kes di seluruh negara didenda RM138,000 selain 501 kompaun bernilai RM2.87 juta selepas didapati bersalah berkaitan akta-buruh sepanjang tahun

ini. "JTKSM menjalankan 488 operasi penguatkuasaan perburuhan bagi memastikan pematuan akta-akta yang dikuatkuasakan dan sebanyak 490 kertas siasatan dibuka berikutan kegagalan majikan mematuhi akta-akta perburuhan," katanya.



PEKERJA melakukan kerja pengasingan barang ketika operasi bersepadu Op Kurier Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di sekitar kawasan perindustrian Pulau Indah, Pelabuhan Klang.

'Ini satu kekejaman kepada pekerja'

KLANG – Tidak dibayar upah kerana pulang awal atas urusan kecemasan selain tiada caruman antara aduan diterima menerusi Op Kurier di sebuah gudang logistik di Pulau Indah, di sini, pada Selasa.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata, ramai pekerja mengadu tidak menerima caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Menurutnya, hasil pemeriksaan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) mengesan beberapa kesalahan Akta Kerja 1955 antaranya waktu kerja melebihi 45 jam seminggu, bayaran kerja lebih masa tidak mencukupi serta tiada penyata gaji dan kontrak perkhidmatan.

"Ada pekerja bekerja tiga hingga empat jam, namun perlu pulang awal atas urusan kecemasan seperti kematian atau isteri bersalin. Walaupun mereka pada awalnya hadir bekerja tetapi langsung tidak dibayar, ini satu bentuk kekejaman terhadap pekerja."

"Malah, tiada caruman SOCSO dan KWSP menyebabkan pekerja



Abdul Rahman (tengah) ketika menyertai Op Kurier di Pulau Indah, Klang pada Selasa.

terlibat kemalangan atau meninggal dunia tidak mendapat sebarang pampasan. Sepatutnya bayar caruman mereka, nanti kita boleh uruskan melalui pencen ilat atau penakat," katanya selepas operasi berkenaan.

Turut hadir, Ketua Pengarah JTKSM, Kamal Pardi.

Tambah Abdul Rahman, pihaknya sudah mengarahkan semua vendor dan majikan dipanggil bagi menyemak perkara itu termasuk mengemukakan slip gaji pekerja.

Terdahulu, Op Kurier bermula jam 10 pagi dilaksanakan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Nearly 500 labour law breach cases detected

By BENJAMIN LEE
benikh@thestar.com.my

KLANG: Almost 500 investigation papers have been opened against employers for breaches of labour laws as of Nov 1, says Deputy Human Resources Minister Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad.

Among the most common labour law offences are employers' failure to make the mandatory contributions to the Social Security Organisation (PERKESO) or the Employees Provident Fund (EPF) for their workers.

While most employers meet the minimum wage standards, he said many fail to make EPF contributions even after some of their workers have been employed for more than a year.

"There are also cases where the workers need to leave early due to unavoidable family issues such as a sick spouse or parent, but are not paid for the hours they had

put in earlier that day. This is a violation of the law.

"I have instructed my officers to resolve these issues within one to two weeks, especially for workers here," he said during an Op Kurier integrated enforcement operation at a courier storage warehouse here yesterday.

He said the Labour Department had conducted 488 labour enforcement operations nationwide so far this year, with 490 investigation papers having been opened as of Nov 1.

Of these, he said 353 cases have been approved for prosecution, with total fines of RM138,000 and 501 compounds issued amounting to RM2,877,500.

Abdul Rahman said a similar crackdown had also been taken against employers in Sabah with total fines reaching RM87mil.

"Some companies were fined RM50,000, others RM100,000 and so on, with all this money then



Cracking down: Abdul Rahman (centre) conducting Op Kurier at a courier storage warehouse in Klang. — KK SHAM/The Star

being channelled back to the affected workers who lodged the complaints.

"I would like to remind other employers to be prepared as we can and will show up at any time. If breaches in labour laws are found, summonses will be issued. This will not be cheap," he added.

The enforcement operation in Klang involved multiple agencies including the Occupational Safety

and Health Department, EPF and the police, who provided security support. The checks focused on wage compliance, working hours, workers' accommodation, safety standards and statutory contributions.

Abdul Rahman said the integrated approach is key as labour violations are often interconnected, involving not just wage issues but also unsafe workplaces or

lack of workers' welfare.

"Through integrated operations like Op Kurier, we aim to raise employer awareness and strengthen the culture of compliance with labour laws," he said.

He said whistleblower protection will remain a priority, with the ministry planning to take employers to court and increase penalties if such workers are fired or punished.

12 Nation

THE STAR, WEDNESDAY 5 NOVEMBER 2025

AT THE DEWAN RAKYAT

Reports by RAHIMY RAHIM and RAGANANTHINI VETHASALAM

Call to extend EIS for gig workers

PERKESO instructed to look into security plan for those in e-hailing sector

PERKESO should look into the feasibility of extending the Employment Insurance System (EIS) for gig workers, says Human Resources Minister Steven Sim (pic).

"At present, the EIS has not yet been extended to gig workers.

"However, I have instructed PERKESO to study the feasibility of implementing this or a similar scheme," he said in his ministerial wind-up of debates on Budget 2026.

Sim noted that from January to October this year, a total of 846,907 individuals contributed to PERKESO's Self-Employment Social Security Scheme (Lindung Kendiri). Of this number, 290,122 are workers in the e-hailing and p-hailing sectors.

The EIS, which was established

in January 2018, provides income replacement for insured persons who have lost their jobs. It currently covers conventional workers.

The amendments to the EIS Act were tabled for the first reading yesterday.

In a statement following the tabling of the bill, the ministry announced that several improvements have been introduced.

They include increased benefit rates and the introduction of a new benefit, which is the Mobility Assistance Allowance (EBM).



"Under this scheme, contributors who lose their employment will be entitled to protection and training support up to RM25,000," it said.

A one-off payment of RM1,000 will be paid under the EBM if one gets a job that is located at a distance of more than 100km from their home,

the ministry said.

On another note, the minister said paternity and maternity leave will be among the areas covered by the ministry's labour law reforms.

"Regarding the proposal for 14

days of paid paternity leave, we have recently amended the Sarawak and Sabah Labour Ordinances to standardise seven days of paid paternity leave across Sabah, Sarawak and Peninsular Malaysia," he said.

Sim said several tax incentives have been introduced to encourage women to return to the workforce, including tax deductions for employers who hire women returning to work and income tax exemptions for them.

"In our society, caregiving responsibilities often fall on women's shoulders. I strongly advocate for shared responsibility between men and women," he said, adding that the government also offers additional tax deductions to employers who provide up to 12 months of paid family

care leave.

He said this is intended to facilitate women's participation in the workforce and help achieve the 60% female labour force participation rate.

As for the flexible work arrangement (FWA), the minister said it is not confined to exceptional situations; rather, it can be implemented in all circumstances.

"Private sector employees have the option to request FWA from their employers. These arrangements can encompass modifications to working hours, working days, or even the location of work.

"The government provides a 50% tax incentive to employers who invest in software and supporting infrastructure for such arrangements," he said.

DENYING WORKERS' RIGHTS

'Many employers not making mandatory Perkoso, EPF contributions'

KLANG: The Human Resources Ministry has detected a worrying number of employers still refusing to register or make mandatory contributions to the Social Security Organisation (Perkoso) and Employees Provident Fund (EPF) for their workers.

The ministry stressed that such actions violated employees' rights and denied them basic protection.

Deputy Human Resources Minister Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad said in Peninsular Malaysia, 501 compounds totalling RM2.87 million were issued from January to September for offences such as failure to make Perkoso and EPF contributions and non-compliance with the national minimum wage order.

"Investigations revealed that some employers continued to ex-

ploit part-time or temporary workers by claiming they were exempted from statutory contributions, despite clear provisions under existing labour laws.

"Based on statistics from the Peninsular Malaysia Labour Department (JTKSM), 490 investigation papers have been opened so far.

"Out of these, 353 cases were approved for prosecution in court,

resulting in total fines amounting to RM138,000," he said after an integrated enforcement operation, Op Kurier, at the Pulau Indah Industrial Area here yesterday.

"Proceeds from these fines are channelled back to the workers who lodged the complaints."

On Op Kurier, Rahman said the inspection was carried out at a courier storage warehouse in Klang following complaints of


labour law violations.

He said the inspection was aimed at ensuring employers complied with the relevant laws, such as on the minimum wage and workers' housing standards.

"As of Nov 1, 488 enforcement operations have been conducted nationwide under JTKSM," said Rahman, adding that the ministry would continue to carry out monitoring and follow-up actions.



வேலை காப்புறுதி பாதுகாப்பு சட்டம் நாடாளுமன்றத்தில் தாக்கல்



கோலாலம்பூர், நவ. 5-

வேலை காப்புறுதி பாதுகாப்பு சட்டம் நேற்று மக்களவையில் முதல் வாசிப்புக்கு விடப்பட்டது. மனிதவள அமைச்சர் ஸ்டீவன் சிம் இதை நாடாளுமன்ற எம்பிக்களின் பார்வைக்கு தாக்கல் செய்தார்.

இரண்டாவது மூன்றாவது வாசிப்புகள் டிசம்பர் மாதம் நாடாளுமன்ற கூட்ட தவணைக்காலம் முடிவடைவதற்குள் சமர்ப்பிக்கப்படும் என்றார் அவர்.

இந்த திட்டத்தின் கீழ் அதில் இடம் பெற்றுள்ள பணியாளர்களுக்கு 25,000 வெள்ளி வரை இழப்பீடு வழங்கும் பாதுகாப்பு மற்றும் பயிற்சி ஆதரவும் இடம் பெறும்.

இதே போல இந்த காப்புறுதி திட்டத்தின் கீழ் தனது இல்லத்திலிருந்து 100 கிலோ மீட்டர் தூரத்திற்கு அப்பால் வேலை செய்ய செல்லும் ஒருவருக்கு ஒரே நேர உதவித் தொகையாக வெ. 1,000 வழங்கப்படும் என்று அமைச்சர் கூறினார்.